

Sarina mahu bina bangunan kelab gimnastik

AKSI menarik yang dipamerkan oleh Sarina ketika menyertai Kejohanan Gimnastik Kebangsaan ke-14 di Bukit Jalil, Kuala Lumpur pada tahun 2001.

GAYA yang menarik dan berke-terampilan menjadi kelebihan kepada Sarina Sundara Rajah, 31, untuk menempa nama dalam bidang gimnastik berirama hingga ke peringkat antarabangsa.

Sarina merupakan salah seorang gimnastik kebangsaan yang pernah meraih emas pertama negara dalam acara gimnastik berkumpulan di Sukan Komanwel Malaysia pada 1998.

Sepanjang sembilan tahun menjadi sandaran negara dalam sukan gimnastik berirama, Sarina pernah menyertai beberapa kejohanan dunia termasuk Sukan SEA Kuala Lumpur 2001, kejohanan Dunia di Sepanyol dan Sukan Asia.

Malah Pemegang Ijazah Sarjana Pengurusan Perniagaan Universiti Putra Malaysia (UPM) itu pernah dinobatkan sebagai gimnastik terbaik oleh Persatuan Gimnastik Malaysia pada tahun 2000.

Mengimbas kembali penglibatannya dalam sukan gimnastik, Sarina memberitahu, beliau mula serius untuk menjadi seorang atlet gimnastik ketika berusia 11 tahun.

"Saya mula meminati sukan gimnastik ketika melihat bekas gimnastik negara, Dr. Farrah Hani Imran di kaca televisyen ketika beliau (Farrah Hani) beraksi di Sukan SEA 1991.

"Saya terpesona melihat gaya pergerakan yang dilakukan dan daripada situ saya terus tekad untuk memilih sukan gimnastik sebagai aktiviti kokurikulum semasa belajar di Sekolah Convent Sentul, Kuala Lumpur.

"Saya gigih berusaha dan memasuki beberapa pertandingan gimnastik bertujuan menonjolkan bakat saya dalam sukan tersebut," ujarnya ketika ditemui di kediamannya di Mont Kiara, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Usaha gigih Sarina membuahkan hasil apabila kelibatnya disedari salah seorang pegawai pemilihan untuk skim gimnastik Komanwel, Dr. Nadya dari Rusia setelah menyerlah pada satu kejohanan peringkat kebangsaan pada lewat tahun 90-an.

Beliau mengejutkan ramai pihak apabila terpilih antara 20 atlet

terbaik untuk menyertai skim persembaan Sukan Komanwel 1998 biarpun sebelumnya beliau terpaksa menjalani latihan di dewan yang serba kekurangan.

"Sejak itu saya dipilih untuk menyertai latihan intensif secara berterusan di Dewan Sekelompok Pandan, Kuala Lumpur sebelum berpindah ke Majlis Sukan Negara pada tahun 1994.

"Saya merupakan atlet termuda dan begitu bersemangat untuk bertanding pada Sukan Komanwel kerana ia pertama kali diadakan di Malaysia.

"Dalam penyertaan sulung saya untuk kejohanan besar itu, saya bersama rakan-rakan meraih pingat emas pertama buat Malaysia untuk acara gimnastik berirama," ujar anak sulung daripada empat adik beradik tersebut.

Berikutan sumbangan cemerlang Sarina dalam perkembangan sukan negara, Yang di-Pertuan

Agong Malaysia yang ke-II, Al-Marhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah berkenan mengurniakan pingat Pingat Pangkuan Negara (P.P.N) kepada beliau pada tahun 1999.

Sarina berkata, biarpun mengundurkan diri sebagai atlet kebangsaan pada usia 20 tahun selepas Sukan Asia di Busan, Korea kerana masalah kecederaan, kecintaannya kepada sukan gimnastik berirama tidak pernah pudar.

Katanya, pada tahun 2003, beliau telah mengasaskan kelab gimnastik sendiri di Dewan Sekolah Jenis kebangsaan Cina (SRJK) Puay Chai, Petaling Jaya.

"Saya berhasrat untuk memiliki bangunan kelab latihan gimnastik hasil titik peluh semasa bergelar atlet negara dahulu," katanya.

Beliau kini menjadi jurulatih sepenuh masa untuk kira-kira 300 gimnastik muda berumur lingkungan 4 hingga 12 tahun.



FARRAH HANI

Di Mana Mereka Sekarang?

Saya mula meminati sukan gimnastik ketika melihat bekas gimnastik negara, Dr. Farrah Hani Imran di kaca televisyen ketika beliau (Farrah Hani) beraksi di Sukan SEA 1991

SARINA



SARINA (kiri) menunjukkan pingat yang dimenangi pada satu kejohanan gimnastik peringkat kebangsaan.



Sarina memberitahu, bukan mudah untuk menjadi seorang atlet gimnastik yang baik kerana ia memerlukan tahap disiplin dan keyakinan diri yang tinggi.

"Sukan gimnastik bukan sahaja bergantung kepada kekuatan fizikal sahaja malah memerlukan kekuatan mental dan keterampilan yang menarik," katanya yang masih belum berkahwin.

Beliau berkata, kecintaannya terhadap sukan gimnastik, sifat ingin belajar dan tidak pernah berputus asa merupakan resepi kejayaan beliau sebelum ini.

"Pesan saya kepada atlet muda, anda tidak berjaya tanpa disiplin dan dedikasi. Kita juga perlu perkuat gimnastik yang kuat untuk mengembalikan kegemilangan silara," ujarnya.



SARINA (kiri) bersama rakan sepasukan, Celestie Chan (kanan) dan Goh Yi Wei (dua dari kanan) menunjukkan pingat yang dimenangi pada kejohanan Gimnastik Kebangsaan ke-14 di Bukit Jalil, Kuala Lumpur pada tahun 2001.